



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

---

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **SEBANYAK 30 RIBU UNIT KIT ATASI MASALAH PEMBIAKAN NYAMUK AEDES DI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**KUALA LUMPUR, 12 April 2016** – Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Wilayah Persekutuan Bebas Denggi 2016. Program ini merupakan program di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Yayasan Kesejahteraan Bandar (YKB).

2. Pihak YKB telah diberi tanggungjawab untuk mengagihkan Kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi kepada penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Secara keseluruhannya KWP telah memperuntukkan sebanyak 30 ribu unit Kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi yang mana 25 ribu unit adalah untuk penduduk Kuala Lumpur dan 5 ribu unit untuk penduduk Putrajaya sebagai usaha membantu penduduk Wilayah Persekutuan dalam menangani wabak denggi daripada terus menular. Terdapat 11 agensi yang terlibat di dalam Program Wilayah Persekutuan Bebas Denggi 2016 iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), EntoGenex Industries Sdn Bhd, Inno Biologics Sdn Bhd, Yayasan Kesejahteraan Bandar (YKB), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, UMNO Wilayah Persekutuan dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP).

3. Kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi merupakan alat yang digunakan untuk mengesan, mengawas dan mengawal pembiakan nyamuk Aedes. Alat yang dipanggil Kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi mengandungi satu botol 500ml

DENGUARAD iaitu Losyen Penghalang Gigitan Nyamuk, satu kotak dengan 30 x 1g sachet biolarvicide Mousticide yang dapat membunuh larva nyamuk, satu unit ALOT iaitu Aedes Larvae Ovi Trap yang direka khas untuk memerangkap dan membunuh jentik-jentik nyamuk aedes, buku dan cd panduan pendidikan mengenai Denggi termasuk video Upin & Ipin. Alat ini juga mempunyai ciri-ciri yang mesra alam, ringan dan mudah digunakan.

4. Program ini diwujudkan untuk memberi sumbangan Kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi kepada penduduk menerusi Agensi dan MPP setiap bahagian di dalam kawasan Wilayah Persekutuan. Program ini juga dilihat dapat memberikan impak yang lebih berkesan dalam usaha memelihara kesihatan diri dan kebersihan persekitaran agar Wilayah Persekutuan menjadi kawasan bebas denggi dengan persekitaran yang bersih dan ceria. Setiap pihak dan masyarakat keseluruhannya perlu bersama-sama bertanggungjawab dalam usaha memastikan kawasan sekitar bebas daripada virus demam denggi dengan membasmi dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes.

5. Diharapkan agar Program Wilayah Persekutuan Bebas Denggi 2016 ini dan juga aktiviti-aktiviti yang dijayakan oleh kerajaan, pertubuhan sukarela dan NGO dapat memberikan impak yang lebih berkesan dalam usaha menyedarkan masyarakat tentang amalan menjaga persekitaran yang bersih dan meningkatkan taraf kesihatan. Selain itu, dengan adanya program ini dapat memupuk keluarga dan masyarakat umumnya dalam meneruskan amalan memelihara kesihatan diri dan kebersihan persekitaran agar Wilayah Persekutuan menjadi kawasan bebas denggi dengan persekitaran yang bersih dan ceria.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur,

12 April 2016